



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

***PERSAMAAN MAKNA DALAM PERIBAHASA SEPANYOL DAN
MELAYU BERUNSURKAN HAIWAN***

HAIRUL NISMA BINTI WAHAB

FBMK 2017 70



**PERSAMAAN MAKNA DALAM PERIBAHASA SEPANYOL DAN MELAYU
BERUNSURKAN HAIWAN**

Oleh

HAIRUL NISMA BINTI WAHAB

**Tesis Ini dikemukakan kepada Sekolah Pengajian Siswazah, Universiti
Putra Malaysia sebagai memenuhi syarat keperluan untuk Ijazah Master
Sastera**

Oktober 2017

Semua bahan yang terkandung dalam tesis ini, termasuk tanpa had teks, logo, ikon, gambar dan semua karya seni lain, adalah bahan hak cipta Universiti Putra Malaysia kecuali dinyatakan sebaliknya. Penggunaan mana-mana bahan yang terkandung dalam tesis ini dibenarkan untuk tujuan bukan komersil daripada pemegang hak cipta. Penggunaan komersil bahan hanya boleh dibuat dengan kebenaran bertulis terdahulu yang nyata daripada Universiti Putra Malaysia.

Hak cipta © Universiti Putra Malaysia



Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia
sebagai memenuhi keperluan untuk ijazah Master Sastera

PERSAMAAN MAKNA DALAM PERIBAHASA SEPANYOL DAN MELAYU BERUNSURKAN HAIWAN

Oleh

HAIRUL NISMA BINTI WAHAB

Oktober 2017

Pengerusi: Salina binti Husain, PhD
Fakulti: Bahasa Moden dan Komunikasi

Peribahasa merupakan warisan setiap bangsa di dunia. Penggunaan peribahasa tidak hanya merujuk pada makna tersurat, tetapi makna tersirat yang terkandung disebalik lambang dan perkataan yang digunakan. Penggunaan peribahasa Sepanyol dan Melayu berunsurkan haiwan dalam kalangan pengguna bahasa Sepanyol dan Melayu hari ini dilihat semakin berkurangan disebabkan kekeliruan dalam memahami makna peribahasa. Hal ini kerana haiwan yang digunakan tidak dikenali sifatnya kerana peranannya dalam budaya yang berlainan. Oleh yang demikian, dalam memahami makna kedua-dua peribahasa ini, kajian ini dijalankan untuk meneliti persamaan makna peribahasa Sepanyol dan peribahasa Melayu berunsurkan haiwan dengan berpanduan Teori Segitiga Ogden & Richards (1923). Jenis haiwan yang digunakan diteliti bagi melihat ciri-ciri dan sifat haiwan tersebut sehingga mencetuskan makna peribahasa. Selain itu, makna dalam kedua-dua peribahasa dan lambang haiwan yang dikaji akan dijelaskan dalam aspek nilai budaya masyarakat Sepanyol dan Melayu.

Peribahasa Sepanyol yang diperolehi daripada buku *Spanish Idioms*, 101 *Spanish Proverbs*, 101 *Spanish Idioms* dan *Refranes Southwestern Spanish Proverb* serta peribahasa Melayu yang diperolehi daripada Kamus Peribahasa Melayu dan buku Peribahasa Melayu Penelitian Makna dan Nilai telah dianalisis dengan menggunakan kaedah analisis teks. Sebanyak 50 peribahasa yang merangkumi 25 peribahasa Sepanyol dan 25 peribahasa Melayu telah dipilih untuk dianalisis. Hasil kajian mendapati, terdapat peribahasa Sepanyol dan peribahasa Melayu mempunyai makna dan lambang haiwan yang sama serta terdapat juga peribahasa Sepanyol dan peribahasa Melayu mempunyai makna yang sama tetapi menggunakan lambang haiwan yang berbeza. Hasil kajian ini membuktikan, persamaan dan perbezaan lambang haiwan yang digunakan dipengaruhi oleh corak pemikiran, cara pengamatan, pengalaman, persekitaran

dan budaya masyarakat Sepanyol dan Melayu terhadap konsep haiwan yang digunakan. Kajian ini diharapkan dapat mempertingkatkan kefahaman dan menjelaskan kepentingan peribahasa dalam konteks komunikasi sekaligus dapat memupuk semula minat pengguna bahasa Sepanyol dan bahasa Melayu untuk menggunakannya.



Abstract of thesis presented to Senate of Universiti Putra Malaysia in fulfillment of the requirement for the degree of Master of Arts.

SIMILARITY OF MEANINGS IN SPANISH AND MALAY ANIMAL PROVERBS

By

HAIRUL NISMA BINTI WAHAB

October 2017

Chairman: Salina binti Husain, PhD
Faculty: Modern Language and Communication

Proverb is a form of heritage for every race in the world. The use of proverb does not only refers to explicit meanings, but also implicit meanings which are embedded behind the symbols and words used. The use of today's Spanish and Malay animal proverbs amongst Spanish and Malays speakers has become a rarity due to confusion in understanding the meaning of the proverbs. This is because the animals used in the proverb are not clearly understood in its characteristics, as animals have different roles across certain cultures. Therefore, to understand the meanings of proverbs in both languages, this study is carried out to examine the similarities in the meaning of Spanish and Malay animal proverbs using Ogden & Richards' Triangle Theory (1923). The types of animal used in a proverb is examined to see how its features and characteristics lead to the formation of the proverb. Besides that, the meaning of the proverb and the animal used in both languages will be explained in its cultural aspects.

Spanish Proverb taken from books i.e. Spanish Idioms, 101 Spanish Proverbs, 101 Spanish Idioms and *Refranes* Southwestern Spanish Proverb, and Malay Proverbs obtained from *Kamus Peribahasa Melayu* and *Peribahasa Melayu Penelitian Makna dan Nilai* are analysed using text analysis method. In total, 50 proverbs which includes 25 Spanish proverbs and 25 Malay proverbs are selected for the analysis. The findings found that some proverbs used the same type of animal to carry the same meaning, while other proverbs carry the same meaning but used a different type of animal. This study proves that similarities and differences of animal in proverbs are influenced by the way of thinking and observation, experience, environment and also customs of the Spanish and Malay people on the concept of how the animal is locally perceived. It is hoped that this study can increase the understanding and clarify the importance of proverbs in the context of communication and at the same time enhance the interest among Spanish and Malay language users in utilising it.

PENGHARGAAN

Alhamdulillah, setinggi-tinggi rasa syukur kehadiran Allah S.W.T kerana dengan rahmat dan izinnya, tesis ini berjaya disiapkan dengan jayanya.

Jutaan terima kasih kepada jawatankuasa penyeliaan yang telah banyak menabur budi dan jasa terutamanya Dr. Salina binti Husain (Pengerusi), Prof Madya Dr. Zaitul Azma binti Zainon Hamzah (Ahli Jawatankuasa Penyeliaan) dan Dr. Nor Shahila binti Mansor (Ahli Jawatankuasa Penyeliaan) atas khidmat bakti yang diberikan sehingga saya berjaya menyiapkan tesis ini.

Tidak dilupakan kepada seluruh kaum keluarga, sahabat-sahabat yang turut menyokong dan mendoakan kejayaan saya. Buat putera dan puteri umi; Jannah Faiha, Hariz Nazeem dan yang paling istimewa anak syurga umi, Hadi Nawfal serta rakan-rakan yang terdiri dari ibu bapa anak-anak autisme, terima kasih atas pengorbanan, sokongan dan kata-kata semangat yang diberikan.

Semoga Allah merahmati anda semua.

*Terbang tinggi burung merpati,
Bersarang rendah burung tempua,
Budi dan bakti ku sanjung tinggi,
Ilmu ku genggam ke hujung nyawa.*

**Hairul Nisma binti Wahab
GS38952**

Saya mengesahkan bahawa satu Jawatankuasa Peperiksaan Tesis telah berjumpa pada (TARIKH) untuk menjalankan peperiksaan akhir bagi Hairul Nisma bt Wahab bagi menilai tesis beliau yang bertajuk “Persamaan Makna Dalam Peribahasa Sepanyol dan Peribahasa melayu Berunsurkan haiwan” mengikut Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 dan Perlembagaan Universiti Putra Malaysia [P.U.(A) 106] 15 Mac 1998. Jawatankuasa tersebut telah memperakukan bahawa calon ini layak dianugerahi ijazah Master Sastera

Ahli Jawatankuasa Peperiksaan Tesis adalah seperti berikut:

Dr. Che Radiah bt Mezah

Profesor Madya
Jabatan Bahasa Asing
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Pengerusi)

Dr. Ahmad Mahmood bin Musanif

Profesor Madya
Jabatan Bahasa Melayu
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Pemeriksa Dalam)

Dr. Rodney C Jubilado

Profesor Madya
University of Hawaii
200 W Kawili St
Hilo, Hi 96720
Usa-United Kingdom
(Pemeriksa Luar)

NOR AINI AB. SHUKOR, PhD

Profesor dan Timbalan Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia

Tarikh:

Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat keperluan untuk ijazah Master Sastera. Ahli Jawatankuasa Penyeliaan adalah seperti berikut:

Salina Husain, PhD

Pensyarah Kanan
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Pengerusi)

Zaitul Azma Zainon Hamzah, PhD

Profesor Madya
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

Nor Shahila Mansor, PhD

Pensyarah Kanan
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

ROBIAH BINTI YUNUS, PhD

Profesor dan Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia

Tarikh:

Perakuan pelajar siswazah:

Saya memperakui bahawa:

- Tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli;
- Setiap petikan, kutipan dan ilustrasi telah dinyatakan sumbernya dengan jelas;
- Tesis ini tidak pernah dimajukan sebelum ini, dan tidak dimajukan serentak dengan ini, untuk ijazah lain sama ada di Universiti Putra Malaysia atau di institusi lain;
- Hak milik intelek dan hak cipta tesis ini adalah hak milik mutlak Universiti Putra Malaysia, mengikut kaedah-kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- Kebenaran bertulis daripada penyelia dan Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) hendaklah diperoleh sebelum tesis ini diterbitkan (dalam bentuk bertulis, cetakan atau elektronik) termasuk buku, jurnal, modul, prosiding, tulisan popular, kertas seminar, manuskrip, poster, laporan, nota kuliah, modul pembelajaran atau material lain seperti yang dinyatakan dalam kaedah-kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- Tiada plagiat atau pemalsuan/fabrikasi data dalam tesis ini, dan integriti ilmiah telah dipatuhi mengikut kaedah-kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) dan kaedah-kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012. Tesis telah diimbis dengan perisian pengesanan plagiat.

Tandatangan: _____ Tarikh: _____

Nama dan No. Matrik: Hairul Nisma Bt Wahab, GS38952

Perakuan Ahli Jawatankuasa Penyeliaan:

Dengan ini, diperakukan bahawa:

- Penyelidikan dan penulisan ini adalah di bawah seliaan kami;
- Tanggungjawab penyeliaan sebagaimana yang dinyatakan dalam kaedah-kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) telah dipatuhi.

Tandatangan: _____

Nama Pengerusi

Jawatankuasa Penyeliaan: Dr. Salina binti Husain

Tandatangan: _____

Nama Ahli

Jawatankuasa Penyeliaan: Prof Madya Dr. Zaitul Azma Zainon Hamzah

Tandatangan: _____

Nama Ahli

Jawatankuasa Penyeliaan: Dr. Nor Shahila binti Mansor

JADUAL KANDUNGAN

	Halaman
ABSTRAK	i
ABSTRACT	iii
PENGHARGAAN	iv
PENGESAHAN	v
PERAKUAN	vii
SENARAI JADUAL	xii
SENARAI RAJAH	xvi
SENARAI CARTA	xvii
SENARAI SINGKATAN	xviii
 BAB	
I PENDAHULUAN	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	1
1.3 Pernyataan Masalah	7
1.4 Objektif Kajian	8
1.5 Persoalan Kajian	9
1.6 Kepentingan Kajian	9
1.7 Batasan Kajian	10
1.8 Definisi Operasional	11
1.8.1 Makna	11
1.8.2 Peribahasa Sepanyol dan Peribahasa Melayu	11
1.8.3 Peribahasa Berunsurkan haiwan	12
1.8.4 Nilai Budaya	12
1.9 Kesimpulan	12
 II SOROTAN KAJIAN	
2.1 Pengenalan	13
2.2 Kajian Makna	13
2.3 Kajian Peribahasa Sepanyol dan Peribahasa Melayu	15
2.3.1 Kajian Peribahasa Melayu	15
2.3.2 Kajian Peribahasa Sepanyol	16
2.4 Kajian Peribahasa Haiwan	18
2.5 Kajian Nilai Budaya dalam Peribahasa	20
2.6 Kajian Teori Segitiga Semiotik Ogden & Richards (1923)	21
2.7 Kesimpulan	23

III	METODOLOGI	
3.1	Pengenalan	24
3.2	Reka Bentuk Kajian	24
3.3	Kerangka Teori	24
3.3.1	Lambang atau Simbol	26
3.3.2	Konsep	26
3.3.3	Rujukan	26
3.4	Kaedah Kajian	27
3.5	Instrumen Kajian	27
3.6	Prosedur Kajian	28
3.7	Kerangka Konsepsi	30
3.8	Kesimpulan	31
IV	HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN	
4.1	Pengenalan	32
4.2	Pengenalpastian unsur haiwan dalam peribahasa Sepanyol dan Melayu	32
4.3	Penganalisan persamaan makna dalam peribahasa Sepanyol dan Melayu.	35
4.4	Makna peribahasa Sepanyol dan Melayu berunsurkan haiwan dalam aspek nilai budaya.	85
4.4.1	Cerminan sikap buruk	85
4.4.2	Berwaspada	87
4.4.3	Realiti hidup	88
4.4.4	Sikap dan pandangan hidup	90
4.4.5	Kesabaran dan ketekunan	91
4.4.6	Hubungan manusia dengan manusia	91
4.5	Implikasi Kajian	93
4.6	Kesimpulan	95
V	RUMUSAN DAN CADANGAN	
5.1	Pengenalan	96
5.2	Unsur haiwan dalam peribahasa Sepanyol dan Melayu	96
5.3	Persamaan makna dalam peribahasa Sepanyol dan Melayu	98
5.3.1	Persamaan makna dan perlambangan haiwan	98
5.3.2	Persamaan makna dan perbezaan lambang haiwan	99
5.3.3	Makna peribahasa dalam aspek nilai budaya	100
5.4	Cadangan	101
5.4.1	Kajian perbandingan peribahasa Sepanyol dan Melayu dalam pelbagai aspek makna	101
5.4.2	Kajian perbandingan peribahasa Sepanyol dan Melayu dalam pelbagai jenis lambang	102

5.4.3	Kajian perbandingan peribahasa Sepanyol dan Melayu dalam pelbagai jenis penulisan	102
5.4.4	Kajian perbandingan peribahasa Sepanyol dan Melayu dari sudut metodologi yang berlainan	102
5.5	Penutup	103
BIBLIOGRAFI		104
LAMPIRAN		114
BIODATA PELAJAR		115



SENARAI JADUAL

Jadual		Halaman
4.1	Persamaan makna peribahasa <i>andar como perro y gatos</i> dan “seperti anjing dengan kucing”	36
4.2	Persamaan makna peribahasa <i>de noches todos los gatos son pardos</i> dan “membeli kucing dalam karung”	38
4.3	Persamaan makna peribahasa <i>el perro que come caca, si no la come la huele</i> dan “bangsa anjing kalau biasa makan tahi, tak dimakan, dicitum juga”	41
4.4	Persamaan makna peribahasa <i>estar como el pez en agua</i> dan “bagai puyu di air jernih”	43
4.5	Lambang dan konsep ikan dalam peribahasa <i>estar como el pez en agua</i> dan “bagai puyu di air jernih”	44
4.6	Persamaan makna peribahasa <i>hablar como una cotorra</i> dan “mulut murai”	45
4.7	Lambang dan konsep <i>cotorra</i> (burung nuri) dalam peribahasa <i>hablar como una cotorra</i> dan burung murai dalam peribahasa “mulut murai”	46
4.8	Persamaan makna peribahasa <i>perro que ladra no muerde</i> dan “anjing menyalak tak akan menggigit”	47
4.9	Lambang dan konsep anjing dalam peribahasa <i>perro que ladra no muerde</i> dan “anjing menyalak tak akan menggigit”	48
4.10	Persamaan makna peribahasa <i>son lágrimas de cocodrilo</i> dan “tangisan buaya”	48
4.11	Lambang dan konsep buaya dalam peribahasa <i>son lágrimas de cocodrilo</i> dan “tangisan buaya”	49
4.12	Persamaan makna peribahasa <i>te conozco bacalao aunque vengas disfrazado</i> dan “terkilat ikan dalam air, sudah tahu jantan betina”	50
4.13	Lambang dan konsep <i>bacalao</i> (ikan kod) dalam peribahasa <i>te conozco bacalao aunque vengas disfrazado</i> dan ikan dalam “terkilat ikan dalam air, sudah tahu jantan betina”	51
4.14	Persamaan makna peribahasa <i>un elefante blanco</i> dan “gajah putih”	52
4.15	Lambang dan konsep <i>elefante blanco</i> (gajah putih) dalam peribahasa <i>un elefante blanco</i> dan “gajah putih”	53
4.16	Persamaan makna peribahasa <i>a caballo regalado, no le mires el diente</i> dan “tak ada gading yang tak retak”	54

4.17	Lambang dan konsep kuda (<i>caballo</i>) dalam peribahasa <i>a caballo regalado, no le mires el diente</i> dan gading dalam peribahasa “tak ada gading yang tak retak”	55
4.18	Persamaan makna peribahasa <i>al buey por el cuerno y al hombre por la palabra</i> dan “kerbau dipegang pada talinya, manusia dipegang pada janjinya”	56
4.19	Lambang dan konsep <i>buey</i> (lembu) dalam peribahasa <i>al buey por el cuerno y al hombre por la palabra</i> dan kerbau dalam peribahasa “kerbau dipegang pada talinya, manusia dipegang pada janjinya”	57
4.20	Persamaan makna peribahasa <i>al perro más flaco se le cargan las pulgas</i> dan “tertonggeng bagai kodok dalam lubang”	58
4.21	Lambang dan konsep anjing (<i>perro</i>) dan kutu (<i>pulgas</i>) dalam peribahasa <i>al perro más flaco se le cargan las pulgas</i> dan kodok dalam peribahasa “tertonggeng bagai kodok dalam lubang”	59
4.22	Persamaan makna peribahasa <i>aunque la mona se vista de seda, mona se queda</i> dan “bagai gagak menggonggong telur”	60
4.23	Lambang dan konsep <i>monyet</i> (<i>mona</i>) dalam peribahasa <i>aunque la mona se vista de seda, mona se queda</i> dan gagak dalam peribahasa “bagai gagak menggonggong telur”	61
4.24	Persamaan makna peribahasa <i>cuando las ranas críen pelo</i> dan “kucing bertanduk”	62
4.25	Lambang dan konsep katak (<i>rana</i>) dalam peribahasa <i>cuando las ranas críen pelo</i> dan kucing dalam peribahasa “kucing bertanduk”	63
4.26	Persamaan makna peribahasa <i>el gato escaldado del agua fría huye</i> dan “sekali dipatuk ular, tali pun ditakutkannya”	63
4.27	Lambang dan konsep kucing (<i>gato</i>) dalam peribahasa <i>el gato escaldado del agua fría huye</i> dan ular dalam peribahasa “sekali dipatuk ular, tali pun ditakutkannya”	65
4.28	Persamaan makna peribahasa <i>el pez que busca anzuelo, busca su duelo</i> dan “sarang tebuhan jangan dijolok”	65
4.29	Lambang dan konsep ikan (<i>pez</i>) dalam peribahasa <i>el pez que busca anzuelo, busca su duelo</i> dan tebuhan dalam “sarang tebuhan jangan dijolok”	67
4.30	Persamaan makna peribahasa <i>gallina come huevos, aunque que le quemen el pico</i> dan “anjing mengulangi bangkai”	67

4.31	Lambang dan konsep ayam betina (<i>gallina</i>) dalam <i>gallina come huevos, aunque que le quemen el pico</i> dan anjing dalam “anjing mengulangi bangkai”	69
4.32	Persamaan makna peribahasa <i>gato viejo, ratón tierno</i> dan “bandot tua makan daun muda”	69
4.33	Lambang dan konsep kucing (<i>gato</i>) dan tikus (<i>ratón</i>) dalam <i>gato viejo, ratón tierno</i> serta bandot dalam peribahasa “bandot tua makan daun muda”	70
4.34	Persamaan makna peribahasa <i>haberle visto las orejas al lobo</i> dan “bagai pelanduk di dalam cerang”	71
4.35	Lambang dan konsep serigala (<i>lobo</i>) dalam <i>haberle visto las orejas al lobo</i> dan pelanduk dalam “bagai pelanduk di dalam cerang”	72
4.36	Persamaan makna peribahasa <i>la oveja negra de la familia</i> dan “kalau sesangkar sekalipun, yang bayan itu bayan juga, serindit itu serindit juga”	73
4.37	Lambang dan konsep biri-biri (<i>oveja</i>) dalam <i>la oveja negra</i> dan bayan serta serindit dalam “kalau sesangkar sekalipun, yang bayan itu bayan juga, serindit itu serindit juga”.	75
4.38	Persamaan makna peribahasa <i>no se hizo la miel para la boca del burro</i> dan “seperti kera mendapat bunga”	75
4.39	Lambang dan konsep keldai (<i>burro</i>) dalam <i>no se hizo la miel para la boca del burro</i> dan kera dalam “seperti kera mendapat bunga”	77
4.40	Persamaan makna peribahasa <i>ser más pobre que una rata</i> dan “ibarat ayam, tiada mengais tiada makan”	77
4.41	Lambang dan konsep tikus (<i>rata</i>) dalam <i>ser más pobre que una rata</i> dan ayam dalam “ibarat ayam, tiada mengais tiada makan”.	78
4.42	Persamaan makna peribahasa <i>subírsele el pavo</i> dan peribahasa “udang bakar”	79
4.43	Lambang dan konsep ayam turki (<i>pavo</i>) dalam <i>subírsele el pavo</i> dan udang dalam “udang bakar”	80
4.44	Persamaan makna peribahasa <i>un pájaro en la mano es mejor que dos en el árbol</i> dan “gajah memamah aris, baik diikat kera kecil yang memakan buah kayu”	81
4.45	Lambang dan konsep burung (<i>pajaro</i>) dalam <i>un pájaro en la mano es mejor que dos en el árbol</i> dan gajah serta kera dalam “gajah memamah aris, baik diikat kera kecil yang memakan buah kayu”	82

4.46	Persamaan makna peribahasa <i>un ratón de biblioteca</i> dan “ulat buku”	83
4.47	Lambang dan konsep tikus (<i>ratón</i>) dalam <i>ratón de biblioteca</i> dan ulat buku dalam “ulat buku”	84



SENARAI RAJAH

Rajah		Halaman
3.1	Model Teori Segitiga Semiotik ogden & Richards (1923)	25
4.1	Lambang dan konsep anjing dalam peribahasa <i>andar como perro y gato</i> berdasarkan pemikiran masyarakat Sepanyol dan Melayu	37
4.2	Lambang dan konsep kucing dalam peribahasa <i>andar como perro y gato</i> berdasarkan pemikiran masyarakat Sepanyol dan Melayu	37
4.3	Lambang dan konsep kucing dalam peribahasa <i>de noches todos los gatos son pardos</i> berdasarkan pemikiran masyarakat Sepanyol	39
4.4	Lambang dan konsep kucing di dalam karung dalam peribahasa “membeli kucing di dalam karung” berdasarkan pemikiran masyarakat Melayu	40
4.5	Lambang dan konsep anjing dalam peribahasa <i>el perro que come caca, si no la come la huele</i> dan “bangsa anjing kalau biasa makan tahi, tak dimakan, dicium juga” berdasarkan pemikiran masyarakat Sepanyol dan Melayu	42
5.1	Peratusan bilangan peribahasa Sepanyol dan Melayu berunsurkan haiwan	98

SENARAI CARTA

Carta		Halaman
4.1	Bilangan unsur haiwan dalam peribahasa Sepanyol	33
4.2	Bilangan unsur haiwan dalam peribahasa Melayu	34



SENARAI SINGKATAN

TSSOR	Teori Segitiga Semiotik Ogden & Richards
PS	Peribahasa Sepanyol
PM	Peribahasa Melayu
BS	Bahasa Sepanyol
BM	Bahasa Melayu
MS	Masyarakat Sepanyol
MM	Masyarakat Melayu



BAB I

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Bab ini akan membincangkan tentang penyelidikan yang dijalankan dengan lebih terperinci merangkumi latar belakang kajian, pernyataan masalah, persoalan kajian, objektif kajian, kepentingan, batasan kajian dan definisi operasional.

1.2 Latar belakang kajian

Peribahasa tidak dicipta tanpa dimaknai dengan padanan lambang dengan sifat atau perlakuan. Setiap peribahasa mempunyai maknanya yang tersendiri yang merujuk kepada gagasan pemikiran dan budaya sesuatu bangsa. Melalui peribahasa, pemikiran dan dunia penuturnya dapat digambarkan melalui pemilihan lambang dan perkataan yang tersusun indah bagi mencerminkan perwatakan dan kehidupan masyarakatnya. Keupayaan mencipta peribahasa yang bersumberkan alam sekeliling seperti flora, fauna, cuaca, makanan dan alatan memberi gambaran sebenar tentang corak hidup dan perwatakan masyarakat dahulu.

Melalui peribahasa, kebijaksanaan masyarakat dahulu terpancar melalui penggunaan lambang seperti haiwan yang dikaitkan dengan sifat dan perwatakan manusia. Keupayaan memadankan sifat haiwan dengan perwatakan manusia yang diterjemahkan melalui peribahasa menunjukkan penghayatan masyarakat dahulu terhadap alam yang menjadi pencetus kepada penciptaan peribahasa yang sarat dengan makna yang tersendiri. Umum mengetahui, peribahasa mengandungi makna yang bersifat tersurat dan makna implisit. Makna implisit merupakan makna tersirat yang terdapat dalam pelbagai bentuk komunikasi. Menurut Deri Roesfi Hakiki, Bambang Wibisono & Erna Rochiyati (2013), makna implisit atau tersirat ini merupakan makna yang berbeza dengan ungkapan yang diujarkan dan tidak diketahui secara tersurat. Larson (1984) turut menyatakan bahawa makna implisit adalah sebahagian daripada ujaran yang tidak diungkapkan tetapi mempunyai mesej yang hendak disampaikan. Menurut I Ketut Riana (2003), makna tersirat merupakan makna yang ditelusuri berdasarkan konteks dan tidak terdapat di dalam kamus. Oleh yang demikian, peribahasa yang diungkapkan kebiasaannya mengandungi makna yang hanya difahami oleh penutur dan pendengar sahaja. Makna peribahasa juga memerlukan pemahaman yang tinggi bergantung kepada pengetahuan dan pengalaman pembaca atau pendengar. Ungkapan yang mengandungi makna tersirat atau implisit ini boleh dilihat penggunaanya bukan

sahaja dalam peribahasa tetapi juga dalam komunikasi lisan atau tulisan seperti penulisan komik, novel, majalah, iklan dan surat khabar.

Peribahasa juga merupakan salah satu bentuk komunikasi yang digunakan untuk menyampaikan buah fikiran dan perasaan secara kiasan (Saidatul Nornis & Mohd. Rasdi Saamah, 2013) yang bersifat implisit seperti metafora, hiperbola dan perumpamaan (Nur Afiah Wan Mansor & Nor Hashimah Jalaluddin, 2016). Pandangan dan pemikiran sesebuah masyarakat tentang peribahasa adalah berlandaskan kepada pegangan dan kepercayaan masyarakat itu sendiri. Tafsiran makna peribahasa memerlukan pemikiran yang tinggi untuk mentafsir objek tertentu yang dipilih sebagai lambang untuk menyampaikan sesuatu mesej. Lambang dalam peribahasa perlu difahami konsepnya kerana lambang dalam peribahasa tidak boleh ditafsir secara harfiah. Pentafsiran lambang secara harfiah boleh mencetuskan kekeliruan dan salah faham terhadap maksud sesebuah peribahasa.

Peribahasa bersifat universal (Shamsudin Ahmad, 2007). Semua bangsa memiliki peribahasa masing-masing. Peribahasa juga merupakan cetusan pemikiran masyarakat dahulu dengan menggunakan elemen-elemen alam seperti flora dan fauna serta cuaca sebagai pelambangan dalam membentuk sesebuah peribahasa. Istimewanya peribahasa ini apabila terdapatnya persamaan makna antara bahasa dan budaya yang berbeza. Hal ini dapat dilihat menerusi peribahasa Sepanyol (PS) dan peribahasa Melayu (PM) yang turut menggunakan elemen alam seperti haiwan sebagai lambang. Penggunaan elemen alam seperti haiwan dalam kedua-dua PS dan PM turut dilihat mempunyai persamaan lambang dan juga makna. Sebagai contoh, PS *andar como perro y gatos* (seperti anjing dengan kucing) yang bermaksud orang yang suka bergaduh apabila bertemu, peribahasa *hablar como una cotorra* (bercakap seperti burung nuri) yang bermaksud orang yang suka bercakap tanpa henti atau berbuat bising dan peribahasa *un elefante blanco* (gajah putih) yang bermaksud menyusahkan diri dengan memelihara binaan yang tidak mendatangkan faedah memperlihatkan terdapatnya persamaan makna dalam kedua-dua peribahasa ini.

Menariknya, peribahasa-peribahasa ini bukan sahaja mempunyai persamaan makna tetapi turut mempunyai persamaan berkaitan pemilihan haiwan sebagai lambang dalam PS dan PM. Pemilihan lambang haiwan yang sama sebagai padanan kepada makna yang sama menunjukkan bahawa terdapatnya persamaan antara pemikiran dan persepsi masyarakat Sepanyol (MS) dan masyarakat Melayu (MM) terhadap sifat-sifat haiwan yang dijadikan padanan dengan sikap dan tingkah laku manusia. Oleh sebab itu, dalam kajian ini penyelidik hanya memfokuskan terhadap peribahasa yang mempunyai lambang haiwan sahaja bagi meneliti sifat haiwan yang dilambangkan berdasarkan pemikiran MS dan MM yang menzahirkan makna dalam kedua-dua peribahasa ini.

Jika dilihat dari faktor terbentuknya peribahasa, Asmah Haji Omar (2008) menyatakan bahawa kewujudan PM adalah hasil daripada beberapa faktor seperti pengamatan masyarakat dahulu melihat alam sekeliling, pengalaman yang diperoleh daripada kehidupan seharian, pengalaman yang diwarisi daripada nenek moyang, peraturan dalam kehidupan yang berpandukan ajaran agama serta amalan budaya masyarakat itu sendiri. Hasil daripada gabungan antara pengalaman dengan kreativiti masyarakat dahulu yang mengamati alam sekeliling telah mencetuskan idea untuk menghasilkan peribahasa yang memperlihatkan pengertian yang dalam dan luas maksudnya. Hal ini dapat dilihat menerusi maksud tersirat yang terkandung dalam peribahasa itu sendiri. Begitu juga dengan MS yang memandang peribahasa sebagai satu bentuk bahasa yang boleh diaplikasi dalam semua situasi (Moreno, 2005). Melalui peribahasa, kita boleh melihat bagaimana pemikiran masyarakat dahulu yang mencipta sesebuah peribahasa hasil daripada cetusan idea mereka sendiri untuk kegunaan generasi hari ini.

Penggunaan peribahasa sebagai bahasa kiasan dalam pertuturan atau penulisan sebenarnya didasari oleh rasa hati kita (Shamsuddin Ahmad, 2007) dan penerima atau pendengar seharusnya memahami mesej disebalik maksud tersirat sesebuah peribahasa tersebut. Hal ini berikutan peribahasa yang diungkapkan mempunyai tujuan tertentu dan bukan sahaja berperanan sebagai alat penyampaian mesej tetapi juga sebagai alat kawalan sosial yang menggambarkan nilai budaya dan falsafah sesebuah masyarakat. Keadaan ini bertepatan dengan pernyataan Moreno (2005), Lin Jing (2015) & Barani (2003) yang memperlihatkan makna peribahasa berlandaskan kepada corak hidup, pegangan, adat resam dan kepercayaan nenek moyang yang diwarisi turun temurun. Peribahasa juga mencerminkan nilai-nilai budaya dalam sesebuah masyarakat yang dapat diperlihatkan melalui karakter atau watak haiwan yang dijadikan lambang (Sriwahyu, 2015). Hal ini kerana, peribahasa merupakan unsur bahasa yang menggambarkan nilai budaya yang dimiliki oleh masyarakat yang berlatar belakangkan bahasa dan budaya penuturnya.

MS turut menggambarkan nilai budaya dan falsafah dalam masyarakatnya melalui peribahasa. Menurut Koszla-Szymanka (2003), peribahasa bukan untuk sesebuah masyarakat sahaja kerana sejarah telah membuktikan bahawa peribahasa hampir terdapat dalam kehidupan semua masyarakat memandangkan peribahasa merupakan fenomena linguistik sejagat dan bersifat antarabangsa. Oleh yang demikian, dalam setiap masyarakat, makna peribahasa dan tujuan peribahasa yang diungkap adalah berlatar belakang budaya dan pengalaman masyarakat itu sendiri.

Dalam peribahasa, tafsiran makna turut didasari oleh pengaruh emosi dan peristiwa yang berlaku serta dianggap logik (Lim, 2003). Pengaruh emosi berkait rapat dengan pembentukan makna kerana peribahasa diungkap berdasarkan kepada situasi dan tujuan tertentu seperti sindiran atau nasihat. Kebiasaannya, faktor pengalaman menjadi asas tindakan seseorang dalam mengungkap peribahasa sama ada berbentuk nasihat atau sindiran sehingga boleh

mencetuskan perasaan kurang senang atau tidak puas hati antara pengguna dengan pendengar. Hal ini kerana makna sesebuah peribahasa yang berfungsi sebagai sindiran kepada perbuatan seseorang sama ada baik atau buruk dapat dilihat melalui tindakan atau perlakuannya (Elvia Rahayu, Amril Amir & Hamidin Hamidin, 2013). Oleh sebab itu, perlunya pemahaman yang jitu terhadap makna peribahasa supaya mesej dapat disampaikan dengan tepat sekali gus mengelakkan daripada berlakunya kesalahan dalam membuat tafsiran terhadap makna peribahasa tersebut.

Bagi MS, peribahasa merupakan hak milik yang kekal diwarisi dari generasi sebelumnya. Oleh sebab itu, MS memegang teguh maksud peribahasa yang ditakrifkan oleh *Real Academia Española* iaitu *Dicho agudo y sentencioso de uso común* (Lin Jing, 2015) yang diterjemahkan sebagai “peribahasa tajam dan sering digunakan”. Rubén Cobos (1985) pula mentakrifkan peribahasa sebagai satu unit ucapan lengkap yang memberi gambaran tentang kebenaran dan kebijaksanaan sebuah masyarakat dengan menggunakan bahasa yang mudah dan indah. Takrifan ini memperlihatkan bagaimana MS dahulu bijak bermain dengan kata-kata dan menggunakan bahasa untuk menyatakan mengenai sesebuah kebenaran dalam penyampaian mesej menerusi cara yang mudah dan berkesan termasuklah melalui penggunaan peribahasa.

MS seperti juga bangsa-bangsa lain di dunia turut menggunakan peribahasa dalam aktiviti harian mereka. Bagi penutur bukan asli BS, penguasaannya dalam pembelajaran BS dapat dilihat melalui kebolehan menggunakan PS dalam perbualan dengan baik. Penggunaan peribahasa yang sesuai dengan pelbagai situasi telah memperlihatkan peribahasa kelihatan bersifat natural. Menurut Cassagne (1995), peribahasa yang diungkapkan dalam situasi yang tepat dan bersesuaian dengan konteks menjadikan ungkapan peribahasa kelihatan sangat natural. Manakala dalam kalangan penutur asli sendiri, penggunaan peribahasa secara spontan lazimnya kelihatan natural terutamanya jika dilihat dari sudut tujuan peribahasa itu diungkapkan.

Penggunaan peribahasa amat berkait rapat dengan lambang yang mewakili sikap dan tingkah laku manusia terutamanya lambang berkenaan haiwan. Lambang merujuk kepada konsep yang terhasil menerusi persepsi masyarakat berdasarkan budaya yang mempengaruhi corak pemikiran mereka (Nurhiza Mohamed, 2014). Menerusi peribahasa, penggunaan lambang boleh menyebabkan berlakunya kesalahan dalam mentafsir jika diterjemahkan secara literal terutamanya bagi lambang haiwan. Oleh itu, persoalan tentang sebab sesuatu haiwan itu dipilih bagi mewakili sikap manusia perlu difahami dan dijelaskan dengan lebih terperinci. Melalui pemahaman tentang sifat haiwan, makna peribahasa akan dapat difahami dengan lebih mudah dan mesej yang hendak disampaikan dapat ditafsir dengan tepat.

Bagi pengguna BS dan BM, pemahaman konsep haiwan dan makna PS dan PM secara tidak langsung dapat mengelakkan berlakunya kesalahan dan kekeliruan dalam komunikasi sehingga boleh mencetuskan salah faham terutamanya

apabila melibatkan penggunaan lambang yang tidak dikenali. Keadaan ini kerana haiwan yang dijadikan perlambangan didapati memiliki sifat-sifat tertentu sama ada menjurus kepada perilaku yang positif atau negatif. Perlambangan tersebut seterusnya dapat dipadankan dengan sikap atau tingkah laku manusia berdasarkan kepada aspek pemikiran, persepsi dan pengalaman yang terdapat pada MS dan MM. Menurut Garcia (2007), haiwan merupakan stereotaip tertinggi untuk dibuat perbandingan manakala penggunaannya dalam peribahasa turut berkait rapat dengan cerita rakyat (Mieder, 1993).

Oleh yang demikian, kajian ini hanya memfokuskan kepada keperluan memahami makna PS dan PM berdasarkan kepada konsep haiwan dalam pemikiran MS dan MM sahaja. Hal ini bagi merungkai persoalan apakah sifat atau ciri-ciri yang terdapat pada haiwan tersebut sehingga kedua-dua masyarakat membuat perbandingan dengan sikap manusia? Bagi menjawab persoalan ini, penyelidik mengkaji sifat dan konsep haiwan yang dijadikan perlambangan dan perkaitannya dengan makna dalam kedua-dua peribahasa dalam budaya MS dan MM. Kupasan akan dihuraikan dalam bab empat dengan lebih terperinci.

Jika dilihat menerusi kajian terdahulu, terdapat banyak kajian peribahasa yang berkaitan dengan perlambangan haiwan. Hal ini adalah kerana haiwan merupakan elemen alam yang dekat dengan manusia dan melambangkan sifat dan kelakuan diri kita sendiri (Pérez Paredes & Martin, 2013). Pelbagai aspek kajian berkenaan peribahasa haiwan dapat dilihat dalam kajian terdahulu seperti aspek semantik sosial, leksikal serta perkaitan antara gaya hidup dengan pemikiran sesebuah masyarakat. Pengkaji seperti Saidatul Nornis Mahali & Mohd. Rasdi Saamah (2013), Goh (2010), Ragini & Che Ibrahim (2015) serta Rahmawati Iskandar (2016) telah memperlihatkan bahawa unsur haiwan dalam peribahasa merupakan suatu yang unik, menarik dan wajar untuk diketengahkan dalam kalangan generasi hari ini. Tambahan pula haiwan turut digunakan sebagai lambang bagi menerangkan berkenaan tingkah laku manusia, perasaan dan juga hubungan sesama manusia (Kövecses, 2000 dalam Nur Afiah Wan Mansor & Nor Hashimah Jalaluddin, 2016).

Walaupun kajian yang berfokuskan kepada peribahasa haiwan sahaja dalam PS dan PM masih belum dijalankan, terdapat kajian PS dan PM yang telah dilakukan oleh Salina Husain (2008) yang berfokus kepada makna denotasi dan konotasi terhadap lambang cuaca, alatan, tubuh badan, haiwan dan tumbuh-tumbuhan. Kajian yang menggunakan Teori Segitiga Semiotik Ogden & Richards (1923) atau TSSOR ini hanya menyentuh mengenai sebahagian sahaja lambang haiwan dengan penekanan kepada aspek makna denotasi dan konotasi sekali gus memperlihatkan bahawa kajian PS dan PM yang menumpukan kepada persamaan makna yang menggunakan lambang haiwan sahaja didapati masih belum dijalankan. Oleh sebab itu, penyelidik menjalankan kajian ini untuk meneliti persamaan makna yang terkandung dalam PS dan PM yang berfokus kepada lambang haiwan sahaja dengan menggunakan TSSOR.

Amalan menggunakan peribahasa adalah salah satu strategi penyampaian buah fikiran kerana peribahasa mempunyai kepelbagaian fungsi dalam menyampaikan perasaan dan akal fikiran ketika berkomunikasi. Walaupun begitu, penggunaan peribahasa dilihat masih kurang popular dalam kalangan generasi hari ini rentetan kurangnya pendedahan dan penggunaannya dalam kehidupan masyarakat. Walaupun peribahasa mula wujud dan digunakan selari dengan perkembangan bahasa tetapi tidak mustahil peribahasa akan pupus dan dilupakan sekiranya tidak lagi diwarisi dan tidak dijadikan amalan dalam kehidupan masyarakat (Ahmad Hilmy, 1984). Penggunaan peribahasa turut dipengaruhi oleh pengalaman dan budaya masyarakat yang berbeza. Justeru, kajian ini secara tidak langsung dapat menggalakkan generasi akan datang untuk menjadikan peribahasa sebagai satu amalan dan juga peluang bagi mempelajari peribahasa dan budaya MS dan MM.

Penggunaan lambang seperti haiwan biasa dijumpai dalam hampir semua bahasa dan budaya di seluruh dunia (Saidatul Nornis Hj. Mahali & Mohd. Rasdi Saamah, 2013). Kebanyakan haiwan yang digunakan sebagai lambang dalam peribahasa adalah haiwan ternakan dan haiwan yang jinak seperti anjing, kucing, ayam, kuda dan lembu (Krikmann, 2007). Hal ini disebabkan haiwan tersebut merupakan haiwan yang paling dekat dengan manusia. Oleh itu, tidak hairanlah kenapa haiwan-haiwan ini sering muncul dalam kebanyakan peribahasa di dunia. Selain itu, keadaan ini juga menunjukkan bahawa masyarakat dahulu tidak memilih haiwan dengan sewenang-wenangnya untuk dibuat perbandingan dengan sikap manusia kerana faktor pengalaman dan penelitian terhadap sifat dan tingkah laku haiwan perlu diteliti dan difahami terlebih dahulu supaya makna yang terkandung dalam peribahasa adalah tepat dan padat (Ishak, 1990).

Justeru, haiwan yang digunakan sebagai lambang dalam PS dan PM akan dikaji bagi meneliti konsep haiwan tersebut dalam MS dan MM yang membentuk makna implisit seterusnya dijadikan padanan dengan sifat dan tingkah laku manusia dalam kedua-dua masyarakat. Tambahan lagi, perbezaan peranan haiwan yang terdapat dalam MS dan MM turut menyumbang kepada faktor perbezaan makna peribahasa memandangkan penciptaan peribahasa adalah berdasarkan kepada pengalaman, budaya dan corak hidup masyarakat yang berbeza. Kajian Salina Husain (2008) mendapati terdapat haiwan yang digunakan dalam PS dan PM tidak dikenali oleh masyarakat hari ini menyebabkan tafsiran makna dan penyampaian mesej oleh pengguna kedua-dua bahasa ini sukar difahami terutamanya yang melibatkan dua bahasa daripada budaya, amalan, pemikiran dan gaya hidup yang berbeza. Hal ini turut disokong oleh Hishamudin et al. (2014) yang menyatakan generasi hari ini menghadapi masalah kekeliruan dan gagal dalam mentafsir makna peribahasa kerana tidak memahami budaya yang melatari kehidupan sesebuah masyarakat. Masalah ini akan berterusan sekiranya penggunaan peribahasa tidak lagi dijadikan amalan dalam era globalisasi masa kini.

Walaupun kajian mengenai perbandingan PS dan PM pernah dijalankan, tumpuan kajian hanya dilakukan kepada aspek denotasi dan konotasi sahaja

dan lambang haiwan yang digunakan hanya sedikit sahaja memandangkan terdapat lambang lain yang turut diteliti. Kajian penggunaan peribahasa berkaitan haiwan sebenarnya banyak dibincangkan di seluruh dunia seperti kajian Pérez Paredes & Martin (2013) dan Wu (2010) yang mengkaji berkenaan simbol haiwan, fungsi dan perkaitan antara haiwan yang digunakan dengan budaya dan kepercayaan dalam sebuah masyarakat. Tetapi, masih belum ada kajian peribahasa yang memfokuskan hanya kepada lambang haiwan sahaja dalam PS dan PM. Oleh itu, kajian ini dijalankan bagi melihat persamaan makna kedua-dua peribahasa berdasarkan kepada persepsi dan tanggapan MS dan MM terhadap haiwan yang diperlambangkan. Menerusi pemahaman makna kedua-dua peribahasa ini, dapat dilihat bahawa peribahasa bukan sahaja berfungsi sebagai alat kawalan perlakuan dalam kehidupan, sindiran dan nasihat malah berperanan sebagai cerminan pemikiran masyarakat dahulu yang menjadikan penggunaan peribahasa sebagai suatu kelaziman dalam kehidupan harian (Wilkinson, 1907).

1.3 Penyataan Masalah

Bagi memahami makna dalam PS dan PM, pemahaman berkenaan sesebuah lambang yang digunakan adalah menjadi satu keperluan supaya sesuatu mesej dapat disampaikan secara tepat. Tafsiran makna dalam peribahasa memerlukan corak pemikiran aras tinggi supaya mesej yang disampaikan dapat difahami dengan jelas. Melihat kepada senario yang berlaku masa kini, pengguna bahasa Sepanyol (BS) dan bahasa Melayu (BM) dilihat semakin kurang mempraktikkan penggunaan PS dan PM kerana menghadapi masalah dalam memahami makna kedua-dua peribahasa. Hal ini dapat dilihat terutamanya ketika proses memahami makna peribahasa yang menggunakan lambang haiwan yang kebanyakannya terdapat dalam semua peribahasa di dunia. Pengguna BS dan BM terutamanya dalam kalangan pelajar perlu mempraktikkan penggunaan peribahasa dalam kehidupan seharian kerana ianya dapat bertindak sebagai salah satu cara untuk mempelajari bahasa dan budaya MS dan MM.

Permasalahannya, adakah pengguna BS dan BM dapat memahami makna PS dan PM ini berdasarkan kepada lambang haiwan yang digunakan? Kesemua permasalahan ini didapati sejajar dengan pernyataan Salina Husain (2008) yang menyatakan kesukaran memahami makna dalam PS dan PM adalah kerana kedua-dua peribahasa ini mempunyai bahasa dan budaya yang berbeza. Pengguna kedua-dua bahasa akan mentafsir makna sesebuah peribahasa berdasarkan kepada pemikiran, pengalaman dan pemahaman budaya masing-masing. Tambahan pula, menurut Nur Afiqah Wan Mansor & Nor Hashimah Jalaluddin (2016), makna peribahasa sukar untuk difahami kerana terdapat unsur tersirat yang mengandungi elemen kognitif abstrak yang harus ditafsir secara terperinci.

Selain itu, permasalahan yang dihadapi dalam memahami makna PS dan PM ini adalah apabila terdapat haiwan yang tidak dikenali telah dijadikan

perlambangan (Tenas Effendy, 2003). Pengguna PS dan PM tidak mengenali haiwan yang digunakan apatah lagi memahami sifat haiwan tersebut. Walau bagaimanapun, terdapat juga lambang haiwan yang dikenali tetapi ditafsirkan maknanya berdasarkan pengetahuan dan pengalaman dalam budaya negara masing-masing (Badudu, 2008). Kesemua permasalahan ini menjadi kekangan kepada pengguna BS dan BM dalam usaha menjadikan penggunaan PS dan PM sebagai satu amalan. Justeru, perlunya kajian makna dalam PS dan PM ini bagi merungkai permasalahan dalam memahami makna dan memahami konsep haiwan berdasarkan kepada pemikiran kedua-dua kumpulan masyarakat. Rangkaian makna kedua-dua peribahasa ini akan memperlihatkan bagaimana MS dan MM menjana pemikiran mereka dalam membentuk sesebuah peribahasa melalui perkaitan hubungan yang akrab antara persekitaran dengan konsep haiwan yang dijadikan perlambangan.

Bagi memahami makna dengan lebih mendalam, para penyelidik terdahulu telah lama menjalankan kajian makna dalam pelbagai bidang penulisan seperti novel, teks ucapan dan kartun. Sebagai contoh, kajian Wong (2014) telah membincangkan mengenai makna implisit yang terdapat dalam ucapan Tunku Abdul Rahman berkenaan aspek keharmonian kaum. Nur Afiqah Wan Mansor & Nor Hashimah Jalaluddin (2016) pula telah mengkaji makna implisit bagi deria rasa masam, masin, manis dan pahit yang terdapat dalam kiasan Melayu.

Melihat kepada kajian makna yang dilakukan dalam pelbagai jenis penulisan, masih belum terdapat kajian yang meneroka berkenaan makna dalam PS dan PM yang hanya memfokuskan kepada unsur haiwan sahaja. Penyelidik terdahulu seperti Imran Ho-Abdullah (2011) telah menjalankan kajian berkenaan PM yang bersumberkan kepada anjing dengan menggunakan Teori Semantik Kognitif. Selain itu, Salina Husain (2008) pula telah mengaplikasi TSSOR dalam perbandingan makna denotasi dan konotasi dalam lima medan makna PS dan PM. Namun, teori tersebut masih belum diuji untuk merungkai masalah kesukaran dalam memahami makna dalam PS dan PM yang hanya menggunakan haiwan sebagai lambang.

Oleh yang demikian, bertitik tolak daripada permasalahan yang dikemukakan, satu kajian makna dalam PS dan PM berunsurkan haiwan wajar dilakukan dengan menggunakan TSSOR untuk melihat persamaan makna yang terdapat dalam kedua-dua peribahasa tersebut. Tambahan pula, melalui elemen lambang, konsep dan rujukan yang dikemukakan dalam teori ini, makna kedua-dua peribahasa ini akan dapat diteliti menerusi konsep haiwan yang bertindak sebagai perlambangan.

1.4 Objektif Kajian

Tumpuan kajian ini hanya kepada makna dan lambang haiwan dalam PS dan PM bagi melihat persamaan makna dalam kedua-duanya. Tiga objektif utama dalam kajian ini ialah:

- i. Mengenal pasti unsur haiwan dalam peribahasa Sepanyol dan peribahasa Melayu.
- ii. Menganalisis persamaan makna berdasarkan konsep haiwan dalam peribahasa Sepanyol dan peribahasa Melayu.
- iii. Menjelaskan makna peribahasa Sepanyol dan peribahasa Melayu berunsurkan haiwan dalam aspek nilai budaya.

1.5 Persoalan Kajian

Kajian makna dalam PS dan PM ini dijalankan bagi menjawab persoalan berikut:

- i. Apakah haiwan yang digunakan sebagai perlambangan dalam peribahasa Sepanyol dan peribahasa Melayu?
- ii. Apakah persamaan makna peribahasa Sepanyol dan peribahasa Melayu serta konsep haiwan yang digunakan sebagai pelambangan?
- iii. Apakah nilai budaya yang terdapat dalam peribahasa Sepanyol dan peribahasa Melayu berunsurkan haiwan?

1.6 Kepentingan Kajian

Kemampuan menginterpretasi makna peribahasa membolehkan masyarakat memahami makna sebenar sesebuah peribahasa. Kupasan makna dalam kajian PS dan PM ini akan menambahkan lagi koleksi ilmiah dan pengetahuan baru kepada pengguna BS dan BM. Selain itu, huraian makna dalam kedua-dua peribahasa yang dijelaskan ini boleh dijadikan panduan dan rujukan kepada pengguna kedua-dua bahasa tersebut bagi tujuan menambah ilmu pengetahuan dalam bidang semantik.

Di samping itu, kajian makna PS dan PM ini juga turut memperlihatkan cantuman budaya dalam MS dan MM dari sudut pemikiran dalam menginterpretasikan makna kedua-dua peribahasa. Kajian ini turut memperlihatkan bahawa penerokaan makna dalam peribahasa, bahasa dan budaya sesuatu bangsa dapat difahami kerana wujudnya hubungan yang erat antara bahasa dan pemikiran dalam sebuah masyarakat. Oleh itu, kajian ini dapat membantu masyarakat mempertingkatkan nilai budaya MS dan MM melalui penggunaan kedua-dua peribahasa ini.

Kajian ini juga penting bagi memberi kefahaman dan kesedaran kepada generasi muda untuk meningkatkan amalan mempraktikkan penggunaan peribahasa dalam kehidupan seharian. Walaupun peribahasa adalah hak milik sesebuah masyarakat, makna yang terkandung di dalamnya memperlihatkan olahan corak pemikiran dan budaya dalam tamadun sesebuah bangsa. Pengetahuan tentang makna dalam PS dan PM ini dapat memberi pendedahan ilmu terhadap pemikiran, nilai dan moral sesebuah bangsa sekali gus membantu dalam meluaskan penguasaan kosa ilmu. Konsep haiwan yang dijelaskan

berdasarkan pengalaman dan budaya MS dan MM memberi satu pengetahuan baru kepada pengguna kedua-dua bahasa. Gambaran terhadap budaya Sepanyol dan Melayu juga dapat dikenali melalui penggunaan peribahasa ini. Selain itu, penguasaan dalam mempraktikkan PS dan PM ini turut mempengaruhi penguasaan pengguna terhadap corak tatabahasa yang baik, pemahaman makna peribahasa yang mendalam dan kebijaksanaan dalam mengungkapkan peribahasa dengan situasi yang betul.

1.7 Batasan Kajian

Kajian ini hanya memberi tumpuan kepada persamaan makna PS dan PM dengan menggunakan unsur haiwan sebagai pelambangan. Makna yang dikaji hanya makna tersirat atau dengan kata lain makna implisit sahaja. Penyelidik hanya membataskan kepada 50 buah peribahasa yang merangkumi 25 PS dan 25 PM untuk dianalisis. Makna peribahasa akan diuraikan dan konsep haiwan yang digunakan sebagai lambang akan turut dikaji.

Pemilihan 25 PS dan 25 PM dalam kajian ini dilakukan kerana jumlah ini dilihat mencukupi bagi mencapai objektif kajian yang memerlukan huraian, iaitu untuk mengenal pasti haiwan yang dijadikan perlambangan, menganalisis konsep haiwan dan menjelaskan makna dan lambang haiwan dalam aspek nilai budaya. Bagi PM, pemilihan peribahasa adalah berdasarkan kepada koleksi peribahasa yang terdapat dalam Kamus Peribahasa Melayu oleh Sapinah Haji Said (2013) serta buku Peribahasa Melayu Penelitian Makna & Nilai hasil penulisan Zaitul Azma Zainon Hamzah dan Ahmad Fuad Mat Hassan (2011). Manakala PS pula diambil daripada buku peribahasa *Spanish Idioms* (1996) oleh Eugene Savaiano & Lynn W. Winget, buku peribahasa *101 Spanish Idioms* (1995) oleh Cassagne J.M., buku peribahasa *Refranes Southwestern Spanish Proverbs* (1985) oleh Rubén Cobos serta buku peribahasa *101 Spanish Proverb* (2009) oleh Eduardo Aparicio.

Pemilihan buku-buku PS dan PM ini sebagai instrumen kajian dilihat selaras dengan objektif kajian. Justeru, untuk mengkaji konsep haiwan dan kaitannya dengan makna dalam kedua-dua peribahasa ini, penyelidik menggunakan TSSOR sebagai panduan kajian. Pemilihan teori ini adalah disebabkan oleh tiga elemen yang digariskan iaitu lambang, konsep dan rujukan yang boleh diaplikasi dalam mengaitkan hubungan di antara lambang haiwan yang digunakan dalam peribahasa, konsep haiwan dan rujukan yang terhasil berdasarkan pemikiran MS dan MM. TSSOR ini didapati berwibawa untuk mempertalikan ketiga-tiga elemen ini dalam peribahasa seterusnya dapat dikaitkan dengan aspek nilai-nilai dalam budaya dalam kedua-dua masyarakat.

Oleh yang demikian, melalui tiga elemen yang digariskan dalam teori ini, didapati makna PS dan PM berkait rapat dengan konsep haiwan dan diperincikan

berdasarkan kepada pengalaman dan budaya kedua-dua kumpulan masyarakat. Bertitik tolak daripada kupasan sifat haiwan dan makna kedua-dua peribahasa dengan menggunakan teori ini, pengguna BS dan BM akan diperlihatkan bagaimana masyarakat dahulu berfikir secara kreatif berlandaskan kepada budaya dan pegangan hidup dalam memadamkan sikap manusia dengan sifat haiwan. Pengalaman berhubung akrab dengan sumber alam menjadikan masyarakat dahulu kaya dengan pengalaman dan pengamatan yang mencetuskan pembentukan peribahasa ini. Ini kerana dalam peribahasa terakam kekayaan pemikiran, kebudayaan dan falsafah sesebuah masyarakat (Noraini Shahida Ishak & M Mascitah Mansor, 2011).

1.8 Definisi Operasional

1.8.1 Makna

Makna dalam kajian ini dirujuk sebagai makna tersirat atau makna implisit yang terdapat dalam PS dan PM. Makna tersirat ini berbeza dengan makna secara langsung dan memerlukan pemahaman serta pemikiran yang tinggi untuk menginterpretasi makna yang tersurat. Rangkaian makna tersirat dalam peribahasa berkait rapat dengan lambang yang digunakan bagi mewakili sesuatu perkara. Biasanya makna peribahasa difahami berdasarkan kepada pengalaman, cara hidup dan budaya sesebuah masyarakat. Kajian ini akan mengupas PS dan PM yang menggunakan unsur haiwan bagi melihat makna tersirat yang terkandung di dalamnya.

1.8.2 Peribahasa Sepanyol (PS) dan peribahasa Melayu (PM)

PS dalam kajian ini merujuk kepada peribahasa yang menjadi hak milik masyarakat Sepanyol dan diperturunkan dari satu generasi ke generasi yang lain. Begitu juga dengan PM yang dimiliki oleh MM yang diwarisi dari generasi terdahulu. Kedua-dua peribahasa ini mempunyai makna implisit tersendiri berdasarkan kepada lambang yang digunakan bagi dipadankan dengan sesuatu perkara.

Dalam kajian ini PS dan PM merujuk kepada ungkapan yang pendek, ringkas, mempunyai makna yang padat dan tepat serta digunakan dalam situasi tertentu bagi menyampaikan mesej tertentu. Kedua-dua peribahasa ini mempunyai fungsi tersendiri, iaitu sebagai bahasa kiasan yang juga bertujuan sebagai alat kawalan sosial, mendidik, menasihati dan menyindir serta memperlihatkan nilai –nilai hidup, budaya dan falsafah MS dan MM.

1.8.3 Peribahasa berunsurkan haiwan

Peribahasa berunsurkan haiwan merujuk kepada peribahasa yang menjadikan haiwan sebagai lambang bagi mewakili sesuatu perkara. Menerusi kajian ini, haiwan yang digunakan PS dan PM akan dikenal pasti bagi melihat konsep haiwan tersebut serta menjadi penyebab ke arah tercetusnya makna dalam kedua-dua peribahasa ini.

1.8.4 Nilai budaya

Nilai budaya merujuk kepada konsep yang ada dalam pemikiran yang bernilai dan dijadikan pegangan serta panduan oleh masyarakat. Dalam kajian ini, nilai budaya yang diketengahkan adalah yang berkaitan dengan tingkah laku manusia yang menjurus kepada sikap dan hubungan antara manusia dengan manusia.

1.9 Kesimpulan

Kajian PS dan PM dalam aspek persamaan makna didapati masih lagi berada dalam lingkungan yang terhad. Namun sehingga hari ini, masih belum terdapat kajian makna PS dan PM yang hanya memfokuskan kepada haiwan sahaja. Oleh sebab itu, kajian ini dilakukan untuk menghuraikan PS dan PM yang menggunakan haiwan sebagai perlambangan bagi melihat persamaan makna tersirat atau implisit. Walaupun peribahasa yang dikaji adalah daripada dua kelompok bahasa yang berbeza, kajian ini akan menggunakan TSSOR bagi menguji keberkesannya dalam merungkai makna setiap peribahasa melalui konsep haiwan yang terdapat dalam kedua-dua peribahasa. Keadaan ini berikutan makna peribahasa yang telah dibentuk oleh MS dan MM berlambangkan haiwan tidak akan berubah dan akan terus kekal berada dalam kelasnya yang tersendiri.

BIBLIOGRAFI

- Abdul Rahman Ahmad Hanafiah. (n.d). Communication In Malay Tradition. Dalam academia.edu. Diakses pada 5 Mei 2017 dari <https://s3.amazonaws.com/academia.edu.documents/>
- Ahmad Hilmy Abdullah. (1984). *Suatu Analisa Ke Atas Peribahasa Melayu Dan Peranan-Peranannya Dalam Kaitan Dengan Seni, Sosio-Budaya Dan Pengaruh Penghidupan Orang-Orang Melayu*. Kuala Lumpur: UTM.
- Amira Razlan. (2013). *Perbandingan Pentafsiran Leksikal Haiwan Dalam Peribahasa Melayu, Dengan Peribahasa Cina Dan Tamil*. (Tesis Doktor Falsafah). Universiti Putra Malaysia, Serdang, Selangor.
- Amor Tresna Karyawati. (2012). Tinjauan umum tingkah laku makan pada hewan primata. *Jurnal Penelitian Sains*, 15(1): 44-47.
- Ángel, M. & González, F. (2004). Valoración y Aprendizaje de Los Refranes. *Tabanque*, (18): 169-188.
- Aparicio, E. (2009). *101 Spanish Proverb*. US: McGraw-Hill.
- Aparicio, E. (1998). *101 Spanish proverbs: Understanding Spanish Language and Culture Through Common Sayings*. US: McGraw-Hill.
- Aranda, C. (1977). *Dichos*. USA: Sunstone Press.
- Arifin Mamat & Adnan Abd Rashid. (2016). Aplikasi Nilai-nilai Murni Berlandaskan Tema Luqman al-Hakim di dalam Al-Qur'an sebagai Asas Pendidikan. *SOSIOHUMANIKA*, 6(2): 133-142.
- Aris Riyadi S.Si. (2014). Menilai Kondisi Bahan Pustaka Perpustakaan Melalui Pemetaan Konservasi. *Visi Pustaka*, 16(2):185–194.
- Arranz, J. J., Bayón, Y., & Primitivo, F. S. (1998). Genetic relationships among Spanish sheep using microsatellites. *Animal Genetics*, 29(6): 435-440.
- Asmah Haji Omar. (2008). *Ensiklopedia Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Badudu, Y. (2008). *Kamus Peribahasa: Memahami Arti Dan Kiasan Peribahasa, Pepatah, Dan Ungkapan*. Jakarta: Penerbit Buku Kompas.
- Barani, N. (2003). In *Actas del AIETI: Congreso Internacional de la Asociación Ibérica de Estudios de Traducción e Interpretación*. Granada: AIETI.
- Bambang Sarwono, B. (1990). *Beternak Kambing Unggul*. Jakarta: Penebar Swadaya.

- Bárcena Martín, E., & Cowell, F. (2006). Static and dynamic poverty in Spain, 1993-2000. https://papers.ssrn.com/sol3/papers.cfm?abstract_id=1094869. Retrieved 18 February 2016.
- Bura, B. (2016). Penggunaan Leksem Burung Dalam Peribahasa Sikka: Kajian Sociolinguistik. *Jurnal Keilmuan Bahasa, Sastra, dan Pengajarannya*, 1(3), 243-253.
- Carbonell Basset, D. (1997). *Diccionario Castellano e Inglés De Argot y Lenguaje Informal*. Barcelona: Editorial del Serbal.
- Cassagne J.M. (1995). *101 Spanish Idioms*. US: Passport Books.
- Chamizo Domínguez, P.J & Zawislawska, M. (2006). Animal Names Used As Insults And Derogation In Polish and Spanish. *Philologia Hispalensis*, (20): 137-174.
- Chua, Y. P. (2011). *Kaedah penyelidikan*. Kuala Lumpur: McGraw-Hill.
- Cocodrilo [Def. 2]. (n.d.). *Diccionario de la Lengua Española Online*. In *Diccionario de la Lengua española*. Diakses pada 2 Januari 2015 dari <http://dle.rae.es/?id=9bRsmBy>
- Collin. (1999). *Collin Diccionario Ingles*. Barcelona: Grijalbo.
- Deri Roesfi Hakiki, Bambang Wibisono, A. Erna Rochiyati S. (2013). Buku Politik Santun Dalam Kartun Karya Muhammad Mice Misrad: Kajian Semantik Dan Pragmatik. *Publika Budaya*, 1(1), 1–8. Diakses pada 23 Jun 2016 dari <http://repository.unej.ac.id/bitstream/handle/123456789/60685/DeriRoesfiHakiki.pdf?sequence=1>.
- Durante, V. (2010). La Noción De Tiempo En La Fraseología Española e Italiana. *Paremia*, (19): 41-51.
- Eble, C. (1996). *Slang and Sociability: In-group Language among College Students*. Berkeley, Berkeley UP.
- Edo Mustaqim, Tintin Kurtini, Rr. Riyanti. (2016). Karakteristik Sifat Kualitatif Induk Murai Batu (*Copsychus Malabaricus*) Siap Produksi. *Jurnal Ilmiah Peternakan Terpadu*, 4(3): 204-210.
- Elefantepedia. (n.d.). Dalam [elefantepedia.com](http://www.elefantepedia.com). Diakses pada 16 Februari 2015 dari <http://www.elefantepedia.com/el-elefante-blanco/>
- Elvia Rahayu, Amril Amir, Hamidin Hamidin (2013). Petata-petiti Masyarakat Minangkabau di Nagari Koto Baru Kecamatan Kubung Kabupaten Solok. *Pendidikan Bahasa dan Sastra Indonesia*, 1(2): 17-25.

- Espinosa, L. M. (1995). *Hispanic Parent Involvement In Early Childhood Programs*. ERIC Clearinghouse on Elementary and Early Childhood Education: University of Illinois.
- García Pérez, E. (1995). La imagen de las bibliotecas en la prensa española (1982-1994). *USAL*, pp. 13–17. Diakses pada 7 Mei 2017 dari <https://gredos.usal.es/jspui/bitstream/>
- Eugene Savaiano & Lynn W. Winget. (1996). *Spanish Idioms*. China: Barrons.
- Faisal M. Sakri. (2012). *Madu Dan Khasiatnya: Suplemen Sehat Tanpa Efek Samping*. Yogyakarta: Diandra Kreatif.
- García, M. (2007). Los animales verdaderos y falsos de la fraseología. In Álvarez de la Granja, M. (ed.), *Lenguaje figurado y motivación*, 69-80. Frankfurt: Peter Lang.
- Goh, S.S. *Pemindahan Lambang 'Padi' dalam Penterjemahan Peribahasa Melayu-Mandarin*. Dibentangkan Dalam Seminar Antarabangsa Linguistik dan Pembudayaan Bahasa Melayu ke 5, Kuala Lumpur. November 2009.
- Goh, S.S. (2010). Persamaan Lambang dalam Terjemahan Peribahasa Bahasa Melayu-Bahasa Mandarin, Dalam Looi Siew Teip et al. (Eds.). *Found in Translation a common voice in a multicultural world*, pp.1-8. Kuala Lumpur: Universiti of Malaya
- Haarslev, V., & Möller, R. (2003). Racer: An owl reasoning agent for the semantic web. In *Proceedings of the International Workshop on Applications, Products and Services of Web-based Support Systems, in conjunction with the 2003 IEEE/WIC International Conference on Web Intelligence*. Seville, Spain.
- Hashim Hj. Musa. (1994). *Pengantar Falsafah Bahasa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hashim Hj. Musa, Normahdiah Sheik Said, Rozita Che Rodi & Siti Sarah Ab Karim (2012). Hati Budi Melayu: Kajian Keperibadian Sosial Melayu Ke Arah Penjanaan Melayu Gemilang. *GEMA Online® Journal of Language Studies*, 12(1): 163-182.
- Hawa Mahfuzah Rusidin & Zulkifley Hamid. (2015). Akal budi Melayu dalam mantera: analisis semantik kognitif. *Jurnal Melayu*, 14(2): 260-273.
- Helki Syuriadi, Hasanuddin WS, Ngusman. (2014). Nilai-Nilai Pendidikan Dalam Teks Cerita Randai Malangga Sumpah Karya Lukman Bustami Grup Randai Bintang Tampalo Kenagarian Padang Laweh Kabupaten Sijunjung. *Bahasa, Sastra, dan Pembelajaran*, 2(2): 59-74.

- Hesti Hastuti. (2014). *Analisis Penggunaan Bentuk Kebahasaan Disfemia Pada Berita Politik Surat Kabar Solopos Edisi Oktober-November 2013*. (Tesis Doktor Falsafah). Universitas Muhammadiyah Surakarta,
- Hishamudin Isam, Mashetoh Abd Mutalib, Norma Saad & Nasariah Mansor. (2014). Domain Changes in Defining Darah (Blood): An Analysis of Communication Style in Malay Proverbs. *Procedia - Social and Behavioral Sciences*, 155, 209–214. Doi: org/10.1016/j.sbspro.2014.10.281
- Hymes, D., & Gumperz, J. (1972). *Direction in sociolinguistics: The ethnography of communication*. New York: Rinehart and Winston.
- I Ketut Riana. (2003). *Linguistik Budaya: Kedudukan dan Ranah Pengkajiannya*, eds. Wayan Windia, Nengah Sujaya, I Ketut Sudibia, I Wayan Budiarsa Suyasa, Ni Ketut Suwiti, I Made Alit Karyawan Salain,... I Nyoman Rai, pp.52-82. Denpasar-Bali: Udayana University Press.
- Dalam Pemikiran Kritis Guru Besar Universitas Udayana. Denpasar: Universitas Udayana.
- Imran-Ho Abdullah. (2011). Analisis kognitif semantik peribahasa melayu bersumberkan anjing (canis familiaris). *GEMA: Online Journal of Language Studies*, 11(1): 125-141.
- Imran Ho-Abdullah & Norsimah Mat Awal. (2005). Conceptualization of Emotions in Malay. "Hati" (the Liver) as the Source of Emotions. In *9th International Cognitive Linguistics Conference*. Korea: Yonsei University.
- Imran T. Abdullah (2013). Aspek Intertekstual Dalam Cerita Rakyat Data: Cerita Si Miskin Dengan Raja Bayan. *Jurnal Humaniora*, (3). 98-132. Doi:org/10.22146/jh.v0i3.2081
- Indiani, N. P. Y. (2015). The Semantic Analysis Of Technical Terms Used In Surfing. *Humanis*, 13(1):1-7.
- Ishak Ramly (1990). Perkembangan peribahasa dalam bahasa Melayu. *Jurnal Dewan Bahasa*, 34(1): 54-61.
- Iva Irma Khumala Dewi. (2008). *Karakteristik Ukuran dan Bentuk Tubuh Burung Bayan-Bayanan (Psittacidae) di Indonesia*. Tesis Sarjana. Fakultas Peternakan.IPB, Indonesia. Diakses pada 26 Mac 2015 dari <http://repository.ipb.ac.id/jspui/bitstream/123456789/10492/2/D08iik.pdf>
- Ivan Razali. (2004). Strategi Pemberdayaan Masyarakat Pesisir dan Laut. *Jurnal Pemberdayaan Komunitas*, 3(2): 61-68.
- Joyce M. Hawkins. (2011). *Kamus Dwibahasa Oxford Fajar*. (Edisi kelima). Shah Alam, Selangor: Oxford Fajar Sdn. Bhd.
- Junaini Kasdan, Nor Hashimah Jalaluddin & Wan Nurasikin Wan Ismail. (2016). Ikan (Pisces) dalam Peribahasa Melayu: Analisis Semantik Inkuisitif.

- Kamus Dewan Edisi Keempat*. (2005). Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.
- Kioridis, I. (2008). Asnos, burros, γάιδαροι, όνοι: estudio comparativo de su presencia en los refranes españoles y griegos. *Revista Electrónica*, (6):1-11.
- Koszla-Szymanka, M. (2003). In *Actas del XXXVIII Congreso Internacional de la Asociación Europea de Profesores de Español (AEPE)*. Madrid: CVC.
- Kövecses, Zoltan. (2000). *Metaphor and Emotion: Language, Culture and Body in Human Feeling*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Krikmann, A. (2007). The great chain of being as the background of personificatory and depersonificatory metaphors in proverbs and elsewhere. Kertas kerja dalam 1st Interdisciplinary colloquium on proverbs: Tavira (Algarve), Portugal. November 2007.
- Kurnia, E. D. (2013). Penggunaan Leksem Binatang Dalam Peribahasa Jawa. *Lingua*, 9(1): 8-17.
- Larson, Mildred L. (1984). *Meaning-Based Translation: A guide to Cross-Language Equivalence*. USA: University of America.
- Lim, K.H. (2010). How Malay proverbs encode and evaluate emotion? A paremiological analysis. *SARI: Jurnal Alam dan Tamadun Melayu*, 28(1): 57-81.
- Lim, K.H. (2003). *Budi as the Malay Mind: A philosophical Study of Malay Ways of Reasoning and Emotion in Peribahasa*. (Tesis Doktor Falsafah). University of Hamburg, Jerman.
- Lin Jing. (2015). Estudio comparativo de refranes españoles y chinos, y una propuesta didáctica en el aula de ELE. *MarcoELE: Revista de Didáctica Español Lengua Extranjera*, 20(5): 1-12.
- Lasut, T. C. (2015). Metafora dalam Ungkapan yang Berkaitan dengan Hewan. *Kajian Linguistik*, 3(1): 75-85.
- López, R. P. (1999). El animal en el refrán, reflejo de una cultura. Estudio contrastivo alemán-español. *Paremia*, (8): 411-416.
- Mahwiyah, S. (2014). Unsur-unsur budaya dalam Amsâl'Arabiyyah (peribahasa Arab). *Arabiyat: Jurnal Pendidikan Bahasa Arab dan Kebahasaaraban*, 1(2): 237-252.
- Martella, M., Martín, L., & Navarro, J. (1998). Manual de Capacitacion Sobre Manejo Integrado de Aves Perjudiciales A La Agricultura. In E. N.

- Rodriguez & M. E. Zaccagnini (Eds.), *Biología Y Dinámica De Población De Cotorras* (pp. 41–48). Retrieved from <http://interreg-bionatura.com/especies/docs/MANUAL MANEJO AVES FAO.pdf>
- Martin, B. E. S. (2012). Polisemia de los zoónimos perro y gato: valores antitéticos. *Onomázein: Revista de lingüística, filología y traducción de la Pontificia Universidad Católica de Chile*, (25): 125-137.
- Mary Fatimah Haji Subet, Nor Hashimah Jalaluddin & Dayang Sariah Abang Suhai. *Analisis Kehidupan Seorang Pelacur Tua Dengan Teori Relevans*. Dibentangkan Dalam Persidangan Linguistik ASEAN V, Kuala Lumpur. Disember 2011.
- Masegosa, A. G. (2010). Metaphoric complexes: A Spanish-English contrastive analysis of metaphor and metonymy in interaction. *Revista española de lingüística aplicada*, (23): 175-194.
- Mashhor Mansor, & Mohd Kipli Abdul Rahman. (2014). *Merekayasa Kearifan Tempatan: Alam dan Manusia*. Pulau Pinang: Penerbit USM.
- Mieder, W. (1993). *Howl Like a Wolf: Animal Proverbs*. Vermont: Shelburne.
- Mirahayuni, N. K. & Susie Chrismalia Garnida .(2016). Nilai Sikap Bekerja Dalam Peribahasa Inggris Sehubungan Dengan Kuda Dan Padanannya Dalam Bahasa Indonesia. *Parafrase: Jurnal Kajian Kebahasaan dan Kesastraan*, 16(01): 9-20.
- Mohd. Aris Anis & Ahmad Esa. *Fungsi dan peranan komunikasi berimplikatur dalam budaya masyarakat Melayu Islam*. Dibentangkan Dalam World Conference on Islamic Thought 2012, Ipoh, Perak. September 2012.
- Mohd. Mahzan Awang, Noor Azam Abdul Rahman, Noraziah Mohd Amin, Abdul Razaq Ahmad. (2016). Mesej Perpaduan dalam Buku Teks Bahasa Malaysia Tingkatan 4 dan 5: Analisis terhadap Peribahasa Melayu. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 5(1): 44-52.
- Mohd. Rasdi Saamah. (n.d.). Persamaan Lambang dan Makna Dalam Peribahasa Bahasa Semai dan Bahasa Melayu. Diakses pada 26 Februari 2016 dari <http://iptaa.edu.my/pukebame/images/jurnal/Persamaan-Lambang-dan-Makna-Dalam-Peribahasa.pdf>.
- Moreno, A. I. (2005). An analysis of the cognitive dimension of proverbs in English and Spanish: The conceptual power of language reflecting popular beliefs. *SKASE Journal of theoretical linguistics*, 2(1): 42-54.
- Niraldy, F. (2010). *Karakteristik ukuran dan bentuk kepala burung bayan-bayanan (Psittacidae) di Indonesia*. Tesis sarjana. Fakultas Peternakan.

IPB, Indonesia. Diakses pada 15 Mac 2017 dari <http://repository.ipb.ac.id/bitstream/handle/123456789/63014/D10fni.pdf?sequence=1&isAllowed=y>

Noraini Shahida Ishak & M Mascitah Mansor. *Peribahasa: Gambaran minda Melayu dalam penciptaan iklan*. Dibentangkan dalam Seminar Antarabangsa Linguistik dan Pembudayaan Melayu VII (SALPBMVII), UPM. Nov 2011.

Norah Mohamed & Darwis Harahap. (2013). *Mutiara Budi*. Selangor: PTS.

Noriza Daud, Umaimah Kamarulzaman & Noor Hidayu Parlan. (2013). Prosiding dalam *International Conference on Language, Linguistics and Society*, UMS.

Nor Hashimah Jalaluddin, Junaini Kasdan. (2010). Remaja Malaysia dan Peribahasa Melayu. *Jurnal Linguistik*, (10): 158-172.

Norliza Che Mustafa, Midiyana Mohamad & Norhayati Idris. (2014). Proceedings from 3rd ILANS: *Issues in Language Teaching and Learning Amongst Non- Native Speakers*. Academy of Language Studies, UiTM.

Noviana Laurencia. (2015). Penggunaan Istilah Binatang dalam Metafora Bahasa Indonesia dan Bahasa Mandarin. *Zenit*, 1(1): 34-37.

Nurhiza Mohamed. (2014). Penggunaan Simbol Dalam Peribahasa (Versi Elektronik). *Perkongsian Profesional Bagi Guru-Guru Permulaan*, 118-137. Diakses pada 16 November 2015 dari <http://malaylanguagecentre.moe.edu.sg/qq/slot/u181/Khazanah%20Ilmu/Perkongsian%20Profesional/MLCS-Final-121-140.pdf>

Nur Afiah Wan Mansor & Nor Hashimah Jalaluddin. (2016). Makna Implisit Bahasa Kiasan Melayu: Mempertalikan Komunikasi, Kognisi Dan Semantik. *Jurnal Komunikasi*, 32(1):189-206.

Nurhajiah, Bachrun Nurdjali & Erianto. (2013). Studi Habitat Pelanduk (*Tragulus Sp*) Dalam Kawasan Hutan Lindung Gunung Ambawang Kecamatan Kubu Kabupaten Kubu Raya. *Jurnal Hutan Lestari*, 1(3): 244–251.

Nurul Huda Mohd Saad, Nor Hashimah Jalaluddin & Zaharani Ahmad. (2015). Prosiding dalam *Seminar Linguistik Kebangsaan (SLiK2015)*. Kuala Lumpur: DBP.

Ogden, C. K. & Richards, I. A. (1923). *The Meaning of Meaning*. New York: Brace & World Inc.

Pamies, A., Craig, M., & Ghalayini, Y. (2014). Fishing for productive models in the troubled waters of figurative language. *Phraseology in Multilingual Society*, Arsenteva, E. (Ed.), Cambridge Scholars Publishing, Cambridge, 47-70.

- Parera, J.D. (2004). *Teori Semantik*. Jakarta: Erlangga.
- Pascual, Á. G., & Pérez, T. F. (2012). El mundo animal en las unidades fraseológicas. Análisis y propuesta de aplicación para el aula de E/LE. *Foro de Profesores de E/LE*, (8): 1-6.
- Penadés Martínez, I. (2006). El valor discursivo de los refranes. *ELUA. Estudios de Lingüística*, (20): 287-304.
- Pérez, F. J. (2000). El discurso pudibundo en los diccionarios hispanoamericanos: Revisión del Diccionario de costarrriqueñismos de Carlos Goñi. *Revista de filología de la Universidad de La Laguna*, (18): 311-322.
- Pérez Paredes, M. D. R., & Martin, B. E. S. (2013). Los animales y el cuerpo en el refranero: un análisis semántico. *Lexis: Revista de lingüística y literatura*, 37(1): 71-94.
- Pettorino, F. M. (1995). Las locuciones comparativas en el español de Chile. *Boletín de Filología*, 35(1): 333-347.
- Plaza, S. M. (2015). Black and White Metaphors and Metonymies in English and Spanish: A Cross-Cultural and Corpus Comparison. In *Yearbook of Corpus Linguistics and Pragmatics*, ed. Jesús Romero-Trillo pp. 9-63. Switzerland: Springer International Publishing.
- Prima Yustana, P. (2016). Gajah Dalam Terakota Majapahit. *Dewa Ruci*, 7(1): 102-114
- Ragini & Che Ibrahim. (2015). Peribahasa melayu dan peribahasa tamil dari aspek sosial. *Journal of Business and Social Development Volume*, 3(1): 66–75.
- Rahmawati Iskandar. (2006). *Analisis peribahasa Jepang dan Indonesia yang menggunakan kata kera (Saru)*. (Kertas Projek Sarjana Pendidikan tidak diterbitkan). Universiti Pendidikan Indonesia, Indonesia.
- Rata [Def. 1]. (n.d.). Diccionario de la lengua Española Online. In *Diccionario de la lengua española*. Diakses pada 2 Januari 2015, dari <http://dle.rae.es/?id=VDVMHBM|VDZ6BGC>
- Retno Iswarin Pujaningsih. (2007). *Kodok Lembu*. Yogyakarta: Kanisius.
- Riotana, U. (2008). Los refraneros en la clase de ELE. *Paremia*, (17): 223-232.
- Rodriguez, I. L. (2009). Of women, bitches, chickens and vixens: Animal metaphors for women in English and Spanish. *Cultura, lenguaje y representación: revista de estudios culturales de la Universitat Jaume I*, (7): 77-100.

- Rowe, F. P. (1972). El ratón doméstico (*Mus musculus* Linnaeus). *Boletín de la Oficina Sanitaria Panamericana OSP*, 72(2): 112-21.
- Rubén Cobos. (1985). *Refranes Southwestern Spanish Proverbs*. New Mexico: Museum of New Mexico Press.
- Saéz, J. S. (2000). Los Usos Figurados En La Ensenanza Del Espanol Como L2: Aspectos Semanticos, Pragmaticos Y Lexicograficos. El Caso De Las Metaforas Animales. *Aprendizaje y enseñanza de una segunda lengua*, (5): 277-294.
- Saidatul Nornis Mahali & Mohd. Rasdi Saamah. (2013). Haiwan sebagai perlambangan dalam peribahasa orang Semai. *GEMA Online Journal of Language Studies*, 13(1), 83–98.
- Salina Husain. (2008). *Peribahasa Bahasa Melayu dan Bahasa Sepanyol: Satu Perbandingan Makna dan Amalan*. Tesis Sarjana. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Sapinah Said. (2013). *Kamus Peribahasa Melayu*. Selangor: Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.
- Sartini, N. W. (2009). Menggali nilai kearifan lokal budaya Jawa lewat ungkapan bebasan, saloka, dan paribasa. *Jurnal Logal*, (1): 28-37.
- Shamsuddin Ahmad. (2007). *Kamus Peribahasa Melayu-Inggeris Edisi Kedua*. Kuala Lumpur: PTS.
- Sevilla Muñoz, J., & Sevilla Muñoz, M. (2005). La aplicación de las técnicas de la “traducción paremiológica” a las paremias populares relativas al vocablo pez en español, inglés y francés. *Revista de literaturas populares*, 5(2): 349-368.
- Siska Rambitan & Nova Mandolang. (2014). Ungkapan Dan Peribahasa Bahasa Mongondow. *Jurnal Lppm Bidang Ekososbudkum*, 1(2): 71-85.
- Sriwahyu Istana Trahutami. (2015). Nilai Sosial Budaya Jepang Dalam Peribahasa Jepang Yang Menggunakan Konsep Binatang. *Izumi*, 4(1): 64-71.
- Standish, P. (1991). Vargas Llosa's Parrot. *Hispanic Review*, 59(2): 143-151.
- Tenas Effendy. (2003). Peribahasa Dalam Kehidupan Orang Melayu. (Atas talian). Diakses pada 13 September 2012, dari http://malaycivilization.ukm.my/idc/groups/portal_tenas/documents/ukmpd/tenas_42870.pdf
- Ullmann, S. (1972). *Semantics: An Introduction To The Science of Meaning*. Oxford: Basil Blackwell.

- Valle, N. R. (2014). De lobos, zorros y.. coyotes: leyendas, cuentos y refranes de la literatura medieval que atravesaron el Atlántico. *Medievalia*, (46): 84-92.
- Veibakken, J. (2016). *El término bacalao en el mundo hispanohablante. Un estudio léxico y semántico* (Master's thesis). Retrieved from <http://munin.uit.no/handle/10037/9720>
- Vranic, G. (2004). *Hablar Por Los Codos Frases Para un Espanol Cotidiano*. Spain: Edelsa.
- Vyshnya, N., & Jove, N. Á. G. (2005). Simbolismo de las paremias con el elemento animal en español y ucraniano. *Paremia*, (14): 193-201.
- Vyshnya, N., & Sztuba, A. (2006). Símbolos culturales y lingüísticos en fraseologismos y paremias (español, ucraniano y polaco). *Paremia*, (15): 105-114.
- Wafiyah, W. (2013). *Jual Beli Anjing Dan Kucing Dalam Sunan Abu Dawud*. (Tesis Doktor Falsafah). Di akses dari <http://digilib.uinsby.ac.id/id/eprint/10973>
- Wilkinson, R. J. (1907). *Papers on Malay subject 1: Malay literature*. London: Luzac & Co.
- Wong, S.H. (2014). Penggunaan Simbol Dalam Teks Ucapan Tunku Abd Rahman: Analisis Teori Relevans. *Jurnal Bahasa*, 14(1): 60-92.
- Wu, F. (2010). Estudio Fraseológico Contrastivo Del Cerdo En Chino Y Español. *Paremia*, 171-178.
- Zaiton Mohamad. (2012). Kreatif dan kritis menjana kekuatan minda. *Utusan Borneo*. Dimuat turun daripada <http://eprints.ums.edu.my/3468/1/nc0000001163.pdf>
- Zaitul Azma Zainon Hamzah & Ahmad Fuad Mat Hassan. (2011). *Peribahasa Melayu Penelitian Makna dan Nilai*. Selangor: Universiti Putra Malaysia.
- Zaitul Azma Zainon Hamzah, & Ahmad Fuad Mat Hassan. (2011). Bahasa dan pemikiran dalam peribahasa Melayu. GEMA Online™ *Journal of Language Studies* 31, Volume 11(3): 31-51.
- Zulkifley Hamid. (1991). Pentafsiran Makna: Pragmatik Sebagai Kaedah Yang Lebih Lengkap. *Dewan Bahasa*. Dewan Bahasa dan Pustaka. Kuala Lumpur.